

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



ISU DAN CABARAN DANA WAKAF ILMU UITM CAWANGAN PERLIS

ISSUES AND CHALLENGES OF DANA WAKAF ILMU UITM PERLIS (DWIPs)

Noor Azura Zainuddin¹, Hasyeilla Abd Mutalib², Rusnadewi Abdul Rashid³, Nor Kartini Mohd Rodzi^{4*}, Nadiyah Hashim⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: noorazura@uitm.edu.my

² Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: hasyeilla798@uitm.edu.my

³ Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: rusnadewi@uitm.edu.my

⁴ Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: norkartini@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadiyah@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Zainuddin, N. A., Abd Mutalib, H., Rashid, R. A., Rodzi, N. K. M., & Hashim, N. (2022). Isu Dan Cabaran Dana Wakaf Ilmu Uitm Cawangan Perlis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 153-165.

DOI: 10.35631/IJLGC.728012.

Abstrak:

Penubuhan dana wakaf di institusi pengajian tinggi semakin meningkat dibangunkan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Fenomena penubuhan dana wakaf ini telah mencetuskan inovasi yang hebat dalam perkembangan wakaf di negara ini. Ia adalah selaras dengan pelancaran Garis Panduan UniTP Purple Book yang telah dikuatkuasakan penggunaannya pada Oktober 2016 oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi membangunkan pusat pengurusan wakaf masing-masing untuk menjana pendapatan. Sehubungan dengan itu, UiTM Cawangan Perlis juga mengambil inisiatif menubuhkan Dana Wakaf Ilmu UiTM Perlis (DWIPs). Justeru kajian ini mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh DWIPs dalam membantu penajaan pendapatan institusi pengajian tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kajian kes di UiTM Cawangan Perlis. Catatan pengalaman penulis dan rakan-rakan penulis yang menerajui DWIPs dari awal penubuhan sehingga kini dianalisis dan diuraikan secara diskriptif dan komparatif. Dapatan kajian mendapati terdapat empat isu dan cabaran iaitu kurang kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai wakaf, masalah birokrasi pengurusan, kurang sumber tenaga dalam pengurusan DWIPs serta halangan perundangan dan kewangan. Hasil dapatan kajian ini diharap mampu memperkenalkan DWIPs dengan lebih meluas kepada warga UiTM dan mendapat perhatian oleh pihak pengurusan universiti.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Sehubungan dengan itu, ianya juga dapat meningkatkan jumlah kutipan dana wakaf ilmu dan memberi manfaat kepada seluruh warga UiTM Cawangan Perlis.

Kata Kunci:

Dana Wakaf, DWIPs, Isu dan Cabaran, UiTM Cawangan Perlis

Abstract:

The establishment of waqf funds in institutions of higher learning is increasingly being developed by many public and private institutions of higher learning throughout the country. The phenomenon of the establishment of waqf funds has triggered great innovations in the development of waqf in the country. It is in line with the launch of the UniTP Purple Book Guidelines that has been enforced for use in October 2016 by the Ministry of Higher Education to develop their respective endowment management centers to generate income. In this regard, UiTM Perlis Branch took the initiative to establish the UiTM Perlis Knowledge Endowment Fund (DWIPs). Thus, this study examined the issues and challenges faced by DWIPs in helping the income generation of higher learnings institutions. This study used a qualitative method with a case study at UiTM Perlis Branch. The experience of the authors and fellow authors who led DWIPs from the beginning of the establishment to the present were analyzed and described descriptively and comparatively. The findings of the study found that there are four issues and challenges, which are lack of understanding and public awareness of waqf, management bureaucracy problems, lack of energy resources in the management of DWIPs as well as legal and financial barriers. The results of this study are intended to help spread awareness of DWIPs among the staff and gain attention from the university management. In relation to that, it can also increase the amount of knowledge endowment fund collection and benefit all UiTM Perlis Branch staff.

Keywords:

Waqf Funds, DWIPs, Issues and Challenges, UiTM Perlis Branch

Pengenalan

Wakaf merupakan satu cara pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dengan niat yang tertentu untuk dimanfaatkan secara berterusan (Aslam, Dhaiyudeen, & Wan Mohar, 2015). Pengertian wakaf menurut Yayasan Wakaf Malaysia ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. (Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia, n.d.) Selaras dengan usaha penubuhan dana wakaf di institusi pengajian tinggi, langkah yang perlu diambil adalah untuk mencorak dan menyusun rangka pengurusan dana wakaf supaya dapat menghasilkan manfaat yang maksima (sesuai dengan amalan suci wakaf tersebut). Ia selaras dengan panduan hadis di bawah:

Abu Hurairah RA menerangkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila anak Adam (manusia) meninggal dunia, maka terputuslah semua (pahala) amal perbuatannya kecuali tiga bentuk perbuatan, iaitu sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya”

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis di atas menjadi model kepada wakaf ilmu di sesebuah institusi pengajian. Elemen sedekah jariah ialah dengan penubuhan sesebuah institusi pengajian yang dibina dan beroperasi atas sumbangan wakaf. Bagi tujuan ini, pelbagai bentuk sumbangan wakaf yang boleh dilaksanakan seperti wang tunai, buku, peralatan pengajian, tapak pusat pengajian dan sebagainya. Sumbangan wakaf ini akan dapat membantu memenuhi keperluan dan kemudahan bagi menuntut ilmu.

Elemen ilmu bermanfaat pula berkait rapat dengan institusi pengajian yang menjadi platform asas penyebaran ilmu tersebut agar masyarakat mendapat manfaat. Manakala elemen anak soleh terbentuk melalui institusi pengajian yang mampu melahirkan ramai cendekiawan yang soleh dan solehah (anak-anak yang soleh). Seterusnya mereka akan terus menyumbang kepada amalan sedekah jariah yang membentuk kitaran yang berterusan terhadap dana wakaf. (Zainuddin, Sudin, Abd Mutalib, Harun, & Abdul Rashid, 2016).

Fenomena penubuhan dana wakaf ilmu telah mencetuskan inovasi yang hebat dalam perkembangan wakaf di negara ini. Ia adalah selaras dengan pelancaran Garis Panduan UniTP Purple Book yang telah dikuatkuasakan penggunaannya pada Oktober 2016 oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi membangunkan pusat pengurusan wakaf masing-masing untuk menjana pendapatan. Sehubungan dengan itu, UiTM Cawangan Perlis juga mengambil inisiatif menubuhkan Dana Wakaf Ilmu UiTM Perlis (DWIPs). Justeru kajian ini mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh DWIPs dalam membantu penjanaan pendapatan institusi pengajian tinggi.

Melalui UniTP *Purple Book* (Enhancing University Income Generation Endowment & Waqf) (2016) Kementerian Pendidikan Tinggi telah menubuhkan satu pasukan untuk melihat dan mengkaji serta mencadangkan untuk menghasilkan satu garis panduan sebagai salah satu kaedah atau cara untuk universiti awam di Malaysia menjana pendapatan mereka tanpa bergantung kepada dana daripada kerajaan sahaja. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi juga telah menyediakan garis panduan mengenai cara pengurusan wakaf untuk universiti awam seperti berikut:

- Pengurusan wakaf universiti mestilah dikendalikan oleh kakitangan yang kompeten, terutamanya perlu ada pengurus berwibawa.
- Pengurusan wakaf universiti mesti membangunkan pelan strategik bagi aktiviti universiti wakaf.
- Pengurusan wakaf universiti mesti mewujudkan garis panduan wakaf bagi universiti untuk menggalakkan masyarakat memahami konsep wakaf.
- Menerangkan dan mendidik semua pihak yang berkepentingan, terutamanya ahli-ahli daripada lembaga pengarah, kakitangan, pelajar, alumni dan masyarakat umum.
- Mengenalpasti dan membangunkan strategi untuk menggalakkan wakaf. Pendekatan pemasaran strategik meningkatkan kesedaran masyarakat untuk berwakaf.
- Membangun dan mempromosi modul pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dan penghayatan wakaf di kalangan orang ramai.

Garis Panduan UniTP *Purple Book* ini telah dikuatkuasakan penggunaannya pada Oktober 2016 dan kebanyakan Universiti Awam telah melaksanakan konsep wakaf pendidikan dengan merujuk kepada garis panduan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi ini. Walaupun garis panduan UniTP *Purple Book* disediakan untuk universiti awam, universiti

swasta juga boleh menggunakan garis panduan ini berdasarkan kepada kesesuaian universiti tersebut. Ini bermaksud garis panduan UniTP Purple Book boleh digunakan oleh universiti-universiti di Malaysia tidak kira universiti awam atau swasta bagi memastikan governan wakaf pendidikan dapat dilaksanakan dengan teratur dan sistematik. (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, n.d.)

Kajian Literasi


Wakaf bermaksud (a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya; (b) menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau (c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya (Enakmen Wakaf Selangor, 2015). Manakala pengertian wakaf menurut Yayasan Wakaf Malaysia ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. (Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia, n.d.). Enakmen Wakaf Selangor (2015) juga memperuntukkan wakaf boleh diwujudkan dalam dua bentuk iaitu sama ada wakaf am atau wakaf khas. Wakaf am merupakan mana-mana bentuk harta wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Sebagai contoh, seseorang mewakafkan tanahnya untuk tujuan kebajikan umat Islam secara umum tanpa menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan. Wakaf khas pula lebih bersifat khusus apabila pewakaf menentukan manfaat wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu. Sebagai contoh, seseorang pewakaf akan menetapkan kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan apakah wakafnya mesti dilaksanakan. Menurut Salleh & Abdul Rahman (2014), wakaf khas merupakan wakaf yang popular di Malaysia. Pada masa kini kewujudan wakaf seperti wakaf pendidikan, wakaf perubatan, wakaf tempat ibadat, wakaf untuk anak yatim dan fakir miskin adalah dalam kategori wakaf khas.

Wakaf memainkan peranan penting dalam masyarakat Islam sebagai sokongan kepada golongan pelajar miskin, anak yatim melalui penyediaan pendidikan, latihan dan aktiviti perniagaan. Kewujudan wakaf pendidikan amat digalakkan, terutamanya di universiti awam untuk menjana pendapatan tanpa bergantung kepada dana kerajaan. Sebahagian besar institusi pendidikan di Asia Barat sejak dulu menggunakan harta yang diwakafkan untuk pengurusan, perbelanjaan dan pembinaan universiti seperti Universiti Cordova di Andalus dan Universiti Al-Azhar di Mesir. Pengasas Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Muhammad Syukri Salleh, berkata wakaf pendidikan bukan perkara baharu sebaliknya sudah lama diamalkan generasi dahulu yang mewakafkan harta mereka kepada institusi pondok dan sekolah agama (Mohamad, 2019). Ali dan Wahid (2014); Mahamood dan Ab Rahman (2015) menyatakan terdapat beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia yang beroperasi berdasarkan kepada konsep wakaf universiti. Sekurang-kurangnya lima universiti telah pun menjalankan operasinya berasaskan konsep wakaf yang melibatkan pelbagai aktiviti, perkhidmatan kebajikan dan program akademik atau profesional. Universiti tersebut adalah UPM (Universiti Putra Malaysia), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UIAM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), UIM (Universiti Islam Malaysia) dan AiU (Albukhary Universiti Antarabangsa).

Lanjutan perkembangan wakaf pendidikan yang dapat membantu universiti untuk penjaan pendapatan maka kajian ini dilakukan. Kajian ini melihat kepada isu dan cabaran yang dihadapi untuk membangunkan wakaf pendidikan berdasarkan kajian-kajian sebelum ini.

Kurang Kefahaman Dan Kesedaran Masyarakat Mengenai Wakaf Ilmu

Menurut Prof Dr Muhammad Syukri (Pengasas Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM) di dalam Wacana Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Tinggi di USM, Pulau Pinang, amalan wakaf pendidikan mula berkurangan pada masa kini bahkan ada yang tidak mengetahui mengenai wakaf pendidikan. Di kalangan masyarakat, apa yang lebih diketahui adalah wakaf kubur dan masjid semata-mata sedangkan konsep wakaf itu luas selagi boleh memberi manfaat kepada pewakaf. Antara sebab amalan ini berkurangan adalah kerana terhentinya dakwah di kalangan masyarakat (Mohamad, 2019). Di sesetengah negara seperti Algeria menunjukkan penerapan amalan pengurusan pengetahuan wakaf yang sederhana di institusi wakaf Algeria (Laallam dan Kassim, 2021; Abd Jalil 2020). Hasil dapatan Khaled, Ratih dan Risa (2021) menunjukkan tahap kesediaan berwakaf milenium Indonesia adalah lebih rendah. Manakala Kamaruddin, Hanefah dan Masruki (2022) menyatakan amalan pelaporan wakaf yang lemah apabila tiada laporan atau pendedahan kesedaran oleh pengurusan wakaf. Menurut rekod dari Yayasan Waqaf Malaysia, hanya terdapat 335 pewakaf Wilayah persekutuan yang membuat sumbangan wakaf tetap bulanan melalui skim potongan gaji kepada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Ini membuktikan bahawa tahap kesedaran rakyat dalam berwakaf masih sederhana (e-Muamalat Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam JAKIM, 2016). Terdapat kajian lain yang menyokong dapatan ini iaitu satu kajian kes di Selangor yang menunjukkan tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat masih sederhana dalam berwakaf (Mohamad Suhaimi, Ahmad Sabri, Mohammad Kassim, & Rosli, 2017). Begitu juga satu kajian kes di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menunjukkan penurunan wakaf tunai pada tahun 2016 sehingga 2019 (Helmy, Md Sin, & Hanafi, 2020).



Gambarajah 1: Prestasi Kutipan Wakaf Tunai 2012-2019 Di MAIPs

Sumber: Helmy, Md Sin, & Hanafi (2020)

Masalah Birokrasi Pengurusan

Terdapat perbezaan dan prosedur permohonan wakaf yang tidak standard di setiap negeri di Malaysia (Mohd Puad, Jamrus Rafdi dan Shahr, 2014). Tambahan pula hasil dapatan oleh Kamaruddin, Hanefah dan Masruki (2022) menunjukkan beberapa sebab amalan pelaporan wakaf yang lemah semasa adalah saluran pelaporan terhad daripada pihak berkuasa negeri kepada pihak berkuasa negara, kepelbagaian dalam struktur tadbir urus dan keengganan pentadbiran wakaf untuk mendedahkan pelaporan wakaf. Menurut Usman dan Ab Rahman (2021) amalan berwakaf di institusi pendidikan tinggi di Pakistan sebahagian besarnya terhad kepada sektor swasta yang menghadapi pelbagai isu dan cabaran, termasuk kekurangan rangka

kerja undang-undang dan sokongan kerajaan. Kurangnya ketelusan terhadap wakaf telah menghalang integriti dan prospek pertumbuhan berwakaf di Pakistan.

Kurang Kepakaran dan Sumber Tenaga Pengurusan Wakaf

Isu pengurusan berkaitan dengan kekurangan kakitangan terlatih di Jabatan Agama Islam Negeri dalam mengendalikan aset wakaf dikenalpasti oleh Mohd Puad, Jamlus Rafdi dan Shahar (2014). Abd Jalil (2020) juga menjelaskan isu ketidakcekapan pengurusan dan data rekod yang tidak lengkap menjejaskan amalan wakaf di kebanyakan tempat di Malaysia. Menurut (Mustaffa & Muda, 2014) pengurusan adalah aspek penting dalam wakaf di mana tanpa pengurusan yang baik dan berhemah, maka wakaf tidak mampu berdaya saing dan mencapai objektifnya dalam menjadi instrument penjana ekonomi umat Islam.

Halangan Perundangan dan Kewangan

Menurut Abd Jalil (2020) isu dan cabaran amalan wakaf yang dialami di kebanyakan tempat adalah isu undang-undang dan kekurangan dana yang mencukupi (Abd Jalil, 2020; Mohd Puad, Jamlus Rafdi dan Shahar, 2014). Antara halangan lain dalam melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia ialah halangan perundangan (Muhamad Don, 2016). Sebagaimana kita maklum, pelaksanaan wakaf di Malaysia tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di mana enakmen tersebut memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang tunggal wakaf di setiap negeri. Contohnya Sek. 89 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor Tahun 2003 telah memperuntukkan; “Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal:

- semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- semua nazar am; dan
- segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak”. Hal ini menjelaskan bahawa MAIN satu-satunya institusi di Malaysia yang dibenarkan di sudut perundangan untuk menerima, mengumpul dan memanfaatkan dana wakaf untuk kepentingan umat Islam. Oleh itu, sesebuah Institusi Pengajian Tinggi perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing selaku pemegang amanah tunggal wakaf seperti mana termaktub dalam undang-undang untuk mewujudkan dan melaksanakan wakaf ilmu di institusi mereka.

Halangan perundangan ini, sebenarnya untuk menjaga masalah umat Islam agar harta wakaf dapat diurus tadbir dengan telus dan sempurna. Walau bagaimanapun, terdapat karenah birokrasi yang agak rumit kerana setiap kutipan perlu diserahkan kepada pihak MAIN untuk disimpan dan agak sukar untuk pihak universiti memohon untuk dikreditkan semula kepada universiti. Tambahan pula pihak MAIN juga tidak terlepas dengan masalah pengurusan dan kakitangan yang terhad dalam menguruskan hal ehwal wakaf (Muhamad Don, 2016).

Hasil dapatan Kamaruddin, Hanefah dan Masruki (2022) menunjukkan amalan pelaporan wakaf yang lemah adalah ketiadaan piawaian pelaporan wakaf yang standard menyebabkan pelaporan wakaf tidak dapat disediakan pada masa yang ditetapkan. Cabaran perundangan di institusi wakaf di Republik Guinea adalah tiada undang-undang am yang dikodkan untuk mentadbir hal ehwal wakaf secara komprehensif. Penubuhan entiti penyeliaan khusus dan badan pengurusan yang kompeten adalah perlu untuk memastikan kelancaran dan

keberkesanan institusi wakaf di Republik Guinea (Sano dan Kassim, 2021). Selain itu, Mohaiyadin dan Aman (2021) menyatakan terdapat beberapa cabaran dalam akauntabiliti dan ketelusan pengumpulan dan pengagihan wakaf yang dihadapi oleh universiti awam yang telah dikenal pasti.

Kajian berkenaan isu dan cabaran wakaf pendidikan adalah penting bagi penyelidik untuk melihat jurang dan kelemahan dalam mengendalikan wakaf pendidikan di Malaysia. Artikel ini juga berguna kepada organisasi wakaf di mana mereka boleh mempelajari isu dan cabaran sedia ada dan cara untuk mengatasinya. Justeru kajian ini mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh institusi wakaf dalam membantu penjana pendapatan institusi pengajian tinggi. Antaranya adalah kurang kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai wakaf, masalah birokrasi pengurusan, kurang sumber tenaga dalam pengurusan institusi wakaf serta halangan perundangan dan kewangan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan strategi kajian-kajian kes di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis. Kajian kualitatif melibatkan penaklukan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu (Trochim, 2006). Metod yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kaedah kualitatif yang disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Kajian kualitatif juga adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis (Bryman, 2008). Untuk mencapai objektif kajian, data-data yang diperolehi dianalisis dokumen berbentuk deskriptif, ia berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Bagi menghasilkan solusi kepada pihak pentadbir universiti, isu dan cabaran DWIPs dianalisis dengan mengambil pandangan (Patton, 1990) yang melibatkan (a) hasil pemerhatian seperti huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan. (b) hasil pembicaraan seperti kutipan langsung dari pernyataan orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temu bual mendalam. (c) bahan tertulis seperti petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kajian-kajian lepas dan selaras dengan pelancaran Garis Panduan UniTP Purple Book yang telah dikuatkuasakan penggunaannya pada Oktober 2016 oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi membangunkan pusat pengurusan wakaf universiti untuk menjana pendapatan UiTM Cawangan Perlis juga mengambil inisiatif menubuhkan Dana Wakaf Ilmu UiTM Perlis (DWIPs).

Penubuhan Dana Wakaf Ilmu Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (DWIPs)

Dana Wakaf Ilmu UiTM Perlis (DWIPs) telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 16/2017 pada 05 Julai 2017. DWIPs merupakan program infak melalui wang tunai dengan niat wakaf untuk manfaat umum. Dana ini akan dikumpulkan ke dalam Tabung Amanah (DWIPs), bertujuan mewujudkan suatu infrastruktur jangka panjang yang lestari, bagi memenuhi sebahagian keperluan dan pembiayaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan warga UiTM Perlis. (Giving @ UiTM Donation / Sadaqah Dana Pembangunan Ilmu UiTM Perlis, n.d.)

Objektif Penubuhan DWIPs

- Menjadi penggerak dan penganjur kepada amalan sedekah jariah.
- Menyuburkan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti kebajikan dan beramal jariah.
- Berperanan sebagai pemudah cara dalam pengumpulan dan pengurusan dana wakaf.
- Menjana pendapatan universiti dalam pengembangan hasil wakaf

Rukun Wakaf

- Pewakaf (Waqif): Staf UiTM, mahasiswa, alumni, masyarakat awam
- Harta Wakaf (Mauquf): Rumah kedai, Tanah ladang
- Penerima Manfaat (Maufquf Alaih): Warga UiTM Perlis
- Akad / Kontrak (Sighah): MOU antara UiTM dengan MAIPs bertarikh 8 Nov 2018
- Kebenaran oleh Majlis Agama Islam Negeri: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)


Medium Kutipan DWIPs

Kutipan DWIPs adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

- Wang tunai melalui tabung-tabung kutipan di masjid dan tabung bergerak
- Bayaran Atas Talian
- Skim Potongan Gaji (SPG)

Proses Pelaksanaan DWIPs

Proses kutipan DWIPs adalah melalui proses-proses berikut:




Gambarajah 2: Proses Kutipan Wakaf Tunai DWIPs

Sumber: Carta Alir DWIPs (2017)

Jumlah Kutipan DWIPs Mengikut Tahun

Jumlah terkumpul kutipan DWIPs untuk tempoh 2019 sehingga 2021 berjumlah RM66,632.08 ditunjukkan dalam gambarajah 3.



Gambarajah 3: Prestasi Kutipan Wakaf Tunai DWIPs

Sumber: Laporan Kewangan DWIPs (2019-2020)

Projek Cadangan DWIPs

Pengagihan Manfaat DWIPs

Sejumlah dapatan manfaat DWIPs hasil dari pengembangan dana aset kekal akan diagihkan secara terus sebanyak 60% dan pelaburan untuk aset baru akan dilakukan sebanyak 40%. Ini adalah untuk memastikan aset wakaf sentiasa berkembang dari semasa ke semasa untuk manfaat generasi akan datang.

Agihan 60% Manfaat DWIPs

Sejumlah 60% daripada manfaat wakaf pengembangan dana akan diagihkan secara terus mengikut peratusan berikut:

- 30% untuk kakitangan dan pelajar
- 20% untuk fasiliti kampus
- 10% untuk pengurusan dana

Isu Dan Cabaran Dana Wakaf Ilmu UiTM Cawangan Perlis

Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai isu dan cabaran perlu ditempuhi bagi menjayakan aktiviti wakaf di UiTM Perlis ini. Menerusi pengalaman penulis dalam penubuhan awal dan operasi DWIPs bersama rakan-rakan penulis yang terlibat secara langsung, penulis mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran dalam melaksanakan wakaf DWIPs seperti berikut:

Kurang Kefahaman Dan Kesedaran Masyarakat Mengenai Wakaf

Aktiviti wakaf yang difahami oleh masyarakat hanyalah kefahaman yang asas sahaja. Manakala elemen-elemen terperinci mengenai wakaf tidak dapat difahami dengan mendalam di kalangan masyarakat. Apatah lagi dengan wakaf ilmu di institusi pengajian tinggi yang dianggap sebagai jenama wakaf baru yang masih awal penubuhannya. Pihak pengurusan universiti juga masih kurang memahami konsep wakaf ilmu dan sekaligus menyebabkan governan wakaf tidak dapat dilakukan dengan cekap dan efisien. Kurangnya promosi yang menarik secara interaktif dan agresif juga menjadi faktor di atas. Bagi mengatasi masalah di atas promosi berkala melalui media sosial telah dilakukan sejak penubuhan DWIPs. Oleh itu, usaha secara agresif dan interaktif perlu dilakukan untuk memberi kefahaman dan kesedaran berwakaf dengan lebih berkesan. Pihak-pihak yang berautoriti perlu memperkenalkan kaedah bayaran mudah secara online, mengadakan lebih banyak aktiviti seperti karnival wakaf, hari pelanggan, seminar dan lain-lain (Adeyemi, Ismail, & Hassan, 2016).

Manakala hasil kajian oleh Qurrata, Seprillina, Narmaditya and Hussain (2020) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara media, keagamaan Islam, dan persepsi sumbangan wakaf tunai. Sehubungan itu, institusi wakaf digesa menggunakan pelbagai media untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Islam bagi meningkatkan penglibatan dalam berwakaf. Seterusnya Qurrata, Narmaditya, Seprillina and Hussain (2019) menyatakan pelaksanaan wakaf yang produktif menunjukkan hasil yang baik dalam mencapai keperluan masyarakat setempat yang membawa kepada kesejahteraan ekonomi masyarakat. Model pengurusan wakaf yang produktif dibahagikan kepada bahagian tertentu Mauquf'Alaih dan Nazhir boleh dipertimbangkan untuk pembangunan perniagaan dan seterusnya menjana pendapatan institusi pengajian tinggi.



Gambarajah 4: Poster, Facebook (FB) dan Derma/Sedekah DWIPs

Sumber: FB <https://www.facebook.com/DWIPs-2153942464725372/> dan <https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAR1/02/39>

Masalah Birokrasi Pengurusan

Karenah birokrasi merupakan cabaran yang agak kompleks dalam pengurusan wakaf DWIPs memandangkan wakaf ilmu di institusi pendidikan tinggi masih baru penubuhannya. UiTM Cawangan Perlis merupakan universiti cawangan yang perlu merujuk kepada Universiti induk yang menguruskan hal ehwal kewangan dan wakaf. Pendek kata, UiTM Perlis tidak diberi autoriti untuk bergerak sendirian menguruskan hal ehwal wakaf ilmu. Banyak perkara perlu melalui proses birokrasi yang panjang dan rumit dalam membuat keputusan termasuk memohon pengecualian cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) perlu diselaraskan dengan universiti induk yang agak lambat memproses permohonan tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut pihak DWIPs telah memohon pengecualian cukai melalui LHDN, namun masih dalam proses di pihak atasan pentadbiran universiti untuk meluluskan permohonan tersebut.

Kurang Kepakaran dan Sumber Tenaga Pengurusan Wakaf

Unit wakaf yang ditubuhkan di UiTM Perlis adalah merupakan satu unit kecil di bawah Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZSW). Unit ini diketuai oleh para pensyarah yang terlibat dengan pelbagai tugas hakiki yang padat dalam pentadbiran dan pengajaran serta menerajui pelbagai aktiviti kampus, persatuan dan kebajikan. Ahli jawatankuasa yang terlibat juga terdiri daripada staf-staf pentadbiran dan akademik yang terdiri dari pelbagai fakulti dan bidang. Kesemua mereka terlibat dengan tugas hakiki yang padat dalam pentadbiran dan akademik di universiti. Oleh itu, dengan masa yang terbatas dan terhad, pihak jawatankuasa tidak dapat memberi tumpuan yang khusus dan efisien di dalam menguruskan unit wakaf DWIPs dengan lebih

cekap dan berkesan. Selain itu, kepakaran dalam bidang pelaburan, ekonomi dan pemasaran di kalangan pengurus unit wakaf DWIPs dan di universiti juga masih kurang menonjol kerana tidak begitu terdedah dengan dunia korporat yang sebenar. Menurut (Mustaffa & Muda, 2014) Pengurusan adalah aspek penting dalam wakaf di mana tanpa pengurusan yang baik dan berhemah, maka wakaf tidak mampu berdaya saing dan mencapai objektifnya dalam menjadi instrument penjana ekonomi umat Islam. Bagi mengatasi masalah tersebut, Jawatankuasa DWIPs telah dirombak dan digantikan dengan jawatankuasa yang baru.

Halangan Perundangan dan Kewangan

Antara halangan lain dalam melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia ialah halangan perundangan. Sebagaimana kita maklum, pelaksanaan wakaf di Malaysia tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di mana enakmen tersebut memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang tunggal wakaf di setiap negeri. Halangan perundangan ini, sebenarnya untuk menjaga masalah umat Islam agar harta wakaf dapat diurus tadbir dengan telus dan sempurna. Walau bagaimanapun, terdapat karenah birokrasi yang agak rumit kerana setiap kutipan perlu diserahkan kepada pihak MAIN untuk disimpan dan agak sukar untuk pihak universiti memohon untuk dikreditkan semula kepada universiti. Tambahan pula pihak MAIN juga tidak terlepas dengan masalah pengurusan dan kakitangan yang terhad dalam menguruskan hal ehwal wakaf. Memandangkan wakaf DWIPs masih baru bertapak kurang dari 5 tahun penubuhannya, sumber kewangan yang digunakan untuk menguruskan dana ini tidak diperuntukkan kerana pihak universiti juga mempunyai masalah kewangan yang serius akibat dasar Kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan bantuan khususnya bantuan per kapita mulai 2002 yang lalu (Muhamad Don, 2016).

Oleh itu, jawatankuasa DWIPs terpaksa memohon bantuan dari Unit Zakat, Sedekah Dan Wakaf UiTM serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi membantu mengadakan program kesedaran berwakaf. Jawatankuasa DWIPs juga ada yang bermurah hati mengeluarkan duit poket sendiri untuk membiayai perbelanjaan seperti membuat tabung kutipan di masjid dan tabung bergerak serta membuat bahan risalah untuk edaran dan promosi.

Kesimpulan

Wakaf ilmu telah menunjukkan peranan dan kepentingannya sejak lebih seribu tahun yang lalu. Daripada sistem wakaf ilmu ini, telah berjaya membangunkan masyarakat dan negara yang ulung dan terbilang. Oleh itu, potensi wakaf ilmu yang agak baru di Malaysia harus diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan dan pentadbir universiti dalam memajukan bidang ini setanding bidang-bidang yang lain juga. Segala cabaran atau halangan perlu dititikberatkan untuk menguruskan wakaf ilmu agar hasrat pewakaf dapat dicapai dan dimanfaatkan sebaiknya untuk masa akan datang. Sesebuah organisasi memerlukan tenaga pakar dalam hal ehwal wakaf bagi memastikan kestabilan harta yang diwakafkan dapat dikembangkan melalui pelaburan seterusnya manfaat tersebut dapat diagihkan dengan betul dan mengikut hukum Syarak. Sehubungan itu, wakaf ilmu perlu memiliki governan yang teratur dan sistematik bagi memastikan sistem pengurusan wakaf ilmu untuk Institusi Pengajian Tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur berlandaskan kehendak dan keperluan Syarak.

Rujukan

Abd Jalil, M. (2020). Issues and challenges of waqf practice in Malaysia: a review. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 80-86.

- Adeyemi, A. A., Ismail, N. A., & Hassan, S. S. (2016). An empirical investigation of the determinants of cash waqf awareness in Malaysia. *Intellectual Discourse* (pp. 501-520). Selangor: IIUM press.
- Ali, S., & Wahid, H. (2014). Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia. *Kertas kerja Persidangan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*. Kuala Terengganu, Terengganu.
- Aslam, M. M., Dhaiyudeen, W., & Wan Mohar, H. (2015). Kelestarian program akademik dan kewangan dalam pengajian tinggi Islam. *Journal Of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*, Vol 1 (1), 1-6.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods. 3rd Edition*. New York: Oxford University Press.
- e-Muamalat Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam JAKIM. (24 8, 2016). Retrieved from Kesedaran Wakaf Dalam Kalangan Umat Islam Masih Sederhana: <http://e-muamalat.islam.gov.my/en/bahan-ilmiah/petikan-akhbar-majalah/item/31-kesedaran-wakaf-dalam-kalangan-umat-islam-masih-sederhana>
- Enakmen wakaf Selangor. (19 Oktober, 2015). Selangor.
- Giving @ UiTM Donation / Sadaqah Dana Pembangunan Ilmu UiTM Perlis. (n.d.). Retrieved from <https://uitmpay.uitm.edu.my/>:
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAR1/02/39>
- Helmy, W. D., Md Sin, W. A., & Hanafi, A. G. (2020). *Mengukur tahap keberkesanan wakaf tunai bagi projek pembangunan wakaf Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis: pusat perkhidmatan hemodialisis*. Kuala Perlis: Kolej Universiti Islam Perlis.
- Kamaruddin, M., Hanefah, M., & Masruki, R. (2022). Challenges and prospects in waqf reporting practices in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (n.d.). Retrieved from <http://dev.mohe.gov.my/>:
<http://dev.mohe.gov.my/muat-turun/awam/penerbitan/university-transformation-programme/187-the-unitp-purple-book?format=html&path=awam/penerbitan/university-transformation-programme>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (n.d.). Retrieved from <http://dev.mohe.gov.my/>:
<http://dev.mohe.gov.my/muat-turun/awam/penerbitan/university-transformation-programme/187-the-unitp-purple-book?format=html&path=awam/penerbitan/university-transformation-programme>
- Khaled, N., Ratih, I., & Risa, S. (2022). Cash waqf from the millennials' perspective: a case of Indonesia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 14(1), 20-37.
- Laallam, A., & Kassim, S. (2021). Knowledge management awareness and application in waqf institutions: the perception of waqf employees in Algeria. *2021 International Congress of Advanced Technology and Engineering(ICOTEN)*. Taiz, Yemen: IEEE.
- Mahamood, S., & Ab Rahman, A. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: is it possible? *Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Mohaiyadin, N., & Aman, A. (2021). Understanding the issues of waqf at public university: preliminary findings. *International Journal of Islamic Thought*, 95-108.
- Mohamad Suhaimi, A. F., Ahmad Sabri, S., Mohammad Kassim, M. A., & Rosli, H. F. (2017). Tahap kefahaman mengenai wakaf: kajian kes di Selangor. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* (pp. 374-382). Selangor: e-ISBN: 978-967-2122-15-9.
- Mohamad, N. I. (1 Julai, 2019). *rencana agama*. Retrieved from [bhagama@bh.com.my](https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/579812/hidupkan-semula-wakaf-pendidikan-contohi-universiti-al-azhar):
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/579812/hidupkan-semula-wakaf-pendidikan-contohi-universiti-al-azhar>
- Mohamed Nor, S., & Rosman, R. (2017). Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. *e-Proceeding of the 4th International Conference*

on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017) . 4th & 5th December 2017, Bangi, Selangor, MALAYSIA (pp. 296-308). Bangi, Selangor: (e-ISBN 978-967-13087-3-8).

- Muhamad Don, M. (2016). Peranan wakaf untuk pembangunan pendidikan tinggi: sejarah silam dan pelaksanaan di Malaysia. *3rd International Conference On Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC 2016* (pp. 188-194). Pasir Gudang: e-ISBN 978-967-0792-08-8.
- Mustaffa, N., & Muda, M. Z. (2014). Educational waqf management in Malaysia's higher education institutions: review of literature. *IJMS 21 (2)* (pp. 63-81). Bangi, selangor: UKM.
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*(2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia. (n.d.). Retrieved from <https://www.ywm.gov.my/>: <https://www.ywm.gov.my/pengenalan-wakaf#pengertian-wakaf>
- Qurrata, V., Narmaditya, B., Seprillina, L., & Hussain, N. (2019). The implementation and development of productive waqf in Indonesia: case at malang islamic hospital. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(4), 533-537.
- Qurrata, V., Seprillina, L., Narmaditya, B., & Hussain, N. (2020). Media promotion, Islamic religiosity and Muslim community towards charitable giving of cash waqf. *International Journal of Monetary Economics*, 13(3), 296-305.
- Salleh, M., & Abdul Rahman, N. (2014). Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. *International Research Management and Innovation Conference(IRMIC2014)*. Kuala Lumpur.
- Sano, M., & Kassim, S. (2021). Waqf governance in the Republic of Guinea; legal framework, issues, challenges and way forward. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(2), 194-210.
- Taylor, S., & R Bogdan. (1984). *Introduction to qualitative Research methods: the search for meanings. Second edition*. Toronto: John Wiley and Sons.
- Trochim, W., & Donnelly, J. (2001). *Research methods knowledge base*. New York: Macmillan Publishing Company, Atomic Dog Pub.
- Usman, M., & Ab Rahman, A. (2021). Financing higher education thorough waqf in pakistan: issues and challenges. *Jurnal Pengurusan*, 62, 1-15.
- Zainuddin, N., Sudin, S., Abd Mutalib, H., Harun, R., & Abdul Rashid, R. (2016). Model pelestarian institusi pendidikan tinggi wakaf berdasarkan hadis. In R. S. al, *Wakaf Pendidikan Tinggi Prospek & Cabaran* (pp. 85-94). Selangor: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).